

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memulihkan ekonomi setempat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti di Sabah, Kuala Lumpur, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Penularan COVID-19 yang semakin meningkat baru-baru ini di beberapa negeri telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) setelah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat. Tidak dapat dinafikan dengan PKP, kelangsungan hidup rakyat agak terjejas khususnya ekonomi setempat. Namun, Kerajaan akan mengimbangi kawalan pergerakan dan keperluan melakukan aktiviti harian untuk melindungi nyawa dan kehidupan rakyat. Kelangsungan ekonomi perlu dilindungi untuk memastikan momentum pemulihan ekonomi dapat dikekalkan seiring dengan bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
2. Maka, bagi membantu meringankan beban rakyat dalam mendepani tempoh PKPB ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif atau bantuan secara berfasa dan mengikut keperluan semasa

bermula dengan PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN, PENJANA dan terkini, KITA PRIHATIN. Keseluruhan pakej-pakej ini adalah bernilai RM305 bilion.

3. Selain itu, semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 yang lalu, Kementerian Kewangan turut mengumumkan pelbagai inisiatif tambahan bagi membantu rakyat, golongan peniaga kecil dan PKS mikro serta sektor ekonomi. Antara bentuk bantuan yang telah diumumkan adalah Bantuan Prihatin Rakyat, Program Jaringan Prihatin, Insentif PenjanaKerjaya dan sebagainya.

4. Kerajaan ini adalah Kerajaan yang responsif dan mendengar nada dan nadi rakyat. Segala bentuk pemberian insentif dan bantuan sentiasa dikaji dan akan dinilai semula dengan membuat langkah penambahbaikan pada dasar serta polisi bantuan. Kerajaan akan memastikan semua program di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi dan inisiatif Belanjawan 2021 yang dirancang dan sedang berlangsung akan dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi memastikan ianya mencapai impak yang disasarkan serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.